

Pengaruh Pembelajaran Ilmu Turath terhadap Guru Agama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)

*The Influence of Learning Turath on Religious Teachers in the Integrated Dini Curriculum
(KBD)*

Nur Farhanis Faisal*

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900, Tanjong Malim, Perak Malaysia

*Corresponding author: m20242001785@siswa.upsi.edu.my

Received: 05 September 2025; **Revision:** 04 November 2025 **Accepted:** 04 November 2025; **Published:** 06 November 2025

To cite this article (APA): Faisal, N. F. (2025). Pengaruh Pembelajaran Ilmu Turath terhadap Guru Agama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(2), 42-52. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.2.4.2025>

Abstrak

Kajian ini meneliti pengaruh pembelajaran ilmu turath terhadap guru agama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Tujuan utama adalah mengenal pasti keperluan ilmu turath serta kesannya terhadap penguasaan ilmu dan akhlak guru. Kepentingan kajian ini terletak pada isu kekurangan guru berkemahiran dan penguasaan silibus KBD. Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan dengan kaedah kualitatif melalui temu bual. Seramai enam orang guru agama KBD di tiga buah sekolah menengah agama daerah Kinta Utara, Perak telah dipilih sebagai informan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data yang diperolehi telah dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan ilmu turath amat penting kerana ia menjadi asas dalam pengajaran mata pelajaran Usuluddin, Syari'ah dan Turath. Guru yang menguasai turath lebih yakin, mampu menghubungkan tradisi dengan isu kontemporari serta memberi kesan positif kepada pengajaran dan pembelajaran. Dari aspek akhlak, kebanyakan guru berpendapat turath membantu pembentukan sahsiah, walaupun kesannya bergantung kepada individu. Kesimpulannya, penguasaan ilmu turath merupakan elemen penting dalam melahirkan guru KBD yang berpengetahuan, berkeyakinan dan berakhlak mulia.

Kata Kunci: Ilmu Turath, Kurikulum Bersepadu Dini, Guru Agama, Pendidikan Islam.

Abstract

This study examines the influence of *turath* (classical Islamic scholarship) learning on religious teachers of the Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). The primary objective is to determine the necessity of traditional knowledge and its impact on teachers' mastery of knowledge and moral character. The significance of this study lies in addressing the issue of teachers with insufficient skills and their limited mastery of the KBD syllabus. A qualitative survey approach was employed through interviews. Six KBD religious teachers from three Islamic secondary schools in the Kinta Utara district, Perak, were selected as informants using purposive

sampling. The data obtained were analyzed thematically. The findings reveal that mastery of *turath* knowledge is crucial, as it serves as the foundation for teaching subjects such as *Usuluddin*, *Shari'ah* and *Turath*. Teachers who possess strong *turath* competence demonstrate greater confidence, can connect Islamic traditions with contemporary issues, and have a positive impact on teaching and learning. From the moral perspective, most teachers agree that *turath* contributes to character formation, although its effect varies among individuals. In conclusion, mastery of *turath* knowledge is an essential element in producing knowledgeable, confident, and virtuous KBD teachers.

Keywords: Turath Knowledge, Kurikulum Bersepadu Dini, Religious Teachers, Islamic Education.

Pendahuluan

Ilmu turath atau warisan keilmuan Islam merupakan peninggalan ulama silam yang terus dijadikan rujukan oleh masyarakat Muslim hingga kini (Syed Salim Syed Shamsuddin, 2018). Ilmu ini lahir daripada sumber utama Islam iaitu al-Quran dan as-Sunnah yang kemudiannya dihuraikan oleh para ulama dalam bentuk penulisan klasik yang mendalam. Ilmu turath mula berkembang di Tanah Melayu melalui kehadiran para ulama yang menghasilkan karya dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi. Keadaan ini sekali gus mengintegrasikan tradisi keilmuan Islam dengan konteks tempatan.

Pembelajaran turath memainkan peranan penting dalam membentuk kehidupan umat Islam di bawah naungan syariat. Apabila seseorang itu mendalami ilmu ini, maka mereka berkeupayaan merumuskan prinsip, menyelesaikan permasalahan hukum serta mengaplikasikannya dalam memahami isu-isu semasa. Sehingga kini, pengajian turath melalui kaedah pengajian kitab masih aktif dilaksanakan di masjid, surau, madrasah dan pondok-pondok pengajian bagi memperkukuhkan kefahaman asas masyarakat Muslim dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia khususnya melalui Kurikulum Bersepadu Dini (KBD), ilmu turath menjadi asas penting dalam pembinaan kompetensi guru agama. Guru agama KBD berperanan sebagai penjaga warisan ilmu klasik di samping perlu mengintegrasikan pendekatan pedagogi moden bagi memenuhi keperluan semasa murid. Namun, timbul persoalan sejauh manakah penguasaan dan pembelajaran ilmu turath benar-benar mempengaruhi kompetensi profesional, keberkesanan pedagogi serta kemampuan guru agama dalam menangani cabaran pendidikan Islam kontemporari.

Namun begitu, penguasaan dan pembelajaran ilmu turath boleh mempengaruhi kompetensi profesional, keberkesanan pedagogi serta kemampuan guru agama dalam menangani cabaran pendidikan Islam kontemporari. Guru KBD sebagai penyampai ilmu dan penerus kepada tradisi keilmuan Islam dengan realiti pendidikan hari ini. Oleh itu, pengkajian terhadap pengaruh ilmu turath pada guru agama KBD amat signifikan bagi menilai keberkesanan sistem pendidikan Islam di Malaysia serta menjamin kelestarian keilmuan Islam dalam arus pendidikan moden.

Latar Belakang Kajian

Ilmu turath merupakan antara khazanah keilmuan Islam yang mempunyai kedudukan penting dalam sejarah perkembangan pendidikan Islam di Alam Melayu. Menurut Harapandi Dahri (2020) istilah ‘kitab turath’ terdiri daripada dua kata dasar iaitu ‘kitab’ dan ‘*turath*’. Perkataan kitab berasal daripada bahasa Arab “كُتِبَ - يَكْتُبُ - كِتَابًا” yang bermaksud menulis serta hasil tulisan. Secara istilah, ia merujuk kepada himpunan penulisan para ulama yang merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti akidah, fiqh, akhlak, tafsir, hadis dan tasawwuf. Sementara itu, turath berasal daripada perkataan Arab “الْإِرْثُ” yang bermaksud peninggalan atau warisan. Istilah ini digunakan bagi merujuk kepada segala khazanah ilmu dan pemikiran ulama silam yang diwarisi oleh generasi kemudian.

Aisyah Ab Rahim dan Mohd Roslan (2020) menyatakan kalimah turath berasal daripada kata kerja *wa-ra-tha* (وَرِثَ) yang bermaksud warisan, iaitu pemindahan khazanah keilmuan daripada generasi terdahulu kepada generasi baharu. Ia meliputi ajaran agama, kitab suci dan pemikiran ulama. Di atas faktor tersebut, kitab turath sering dikenali sebagai ‘kitab kuning’, iaitu kitab klasik yang menjadi rujukan di institusi pondok sejak kurun ke-18. Kitab-kitab ini memperkayakan tradisi pendidikan Islam dengan pelbagai cabang ilmu, diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya hingga ke hari ini (Nur Farhanis Faisal, 2024).

Dalam konteks masyarakat Melayu, istilah ‘kitab’ kebiasaannya dikaitkan dengan karya-karya agama yang ditulis sama ada dalam bahasa Arab atau tulisan Jawi (Nur Farhanis Faisal, 2024). Syed Salim Syed Shamsuddin (2018) menjelaskan bahawa perkataan turath membawa maksud pusaka atau peninggalan. Malan, didalam al-Quran juga menggunakan istilah ini bagi merujuk kepada harta pusaka seperti dalam surah al-Fajr ayat 19. Mujizatullah (2018) berpendapat bahawa kitab turath ialah karya ilmiah dalam bidang agama yang dihasilkan oleh ulama Islam pertengahan dan kebiasaannya tidak mempunyai baris atau tanda baca. Oleh itu, penguasaannya memerlukan murid mendalami ilmu bantu seperti nahu, balaghah, sorof, ma’ani dan bayan.

Menurut Irwayani (2019) kitab kuning menjadi kayu ukur tahap penguasaan pelajar pondok kerana mereka dinilai berdasarkan kemampuan membaca, memahami dan mensyarahkan isi kitab tersebut. Hal ini bertepatan dengan pandangan Zahdi Taher (2020) yang menyatakan bahawa kitab turath merupakan roh pendidikan pondok kerana penguasaannya membentuk asas keilmuan Islam berteraskan akidah Ahli Sunnah wal Jama’ah. Justeru, kitab turath bukan sekadar bahan bacaan tetapi acuan dalam pembinaan pemikiran Islam yang mampu disesuaikan dengan cabaran semasa.

Kitab turath bukan sahaja dikenali sebagai teks pengajian agama, malah menjadi asas kepada pembentukan sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu. Tradisi pengajiannya di institusi pondok telah melahirkan generasi ulama dan pendidik yang berperanan penting dalam menyebarkan ajaran Islam (Nur Farhanis Faisal, 2024). Justeru, ia menjadi satu keperluan dalam memahami kepentingan dan pengaruh pembelajaran ilmu turath terhadap guru agama khususnya KBD bagi memastikan kelangsungan warisan keilmuan Islam dalam pendidikan masa kini. Antara objektif pelaksanaan KBD adalah untuk menawarkan kepada warganegara mendapat pendidikan aliran agama yang lebih berkualiti, sistematik dan mengukuhkan pendidikan agama dalam aliran arus perdana. Bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pengantar dalam pelaksanaan KBD. Usaha ini akan dapat mempertingkatkan kualiti komunikasi dan berbahasa serta mampu merujuk asas-asas ilmu pengetahuan dalam kitab-kitab *muktabar* (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015).

Pelaksanaan KBD mengekalkan mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan sedikit perubahan dari segi peruntukan waktu minimum seminggu dan penambahan mata pelajaran Dini dalam kurikulum kebangsaan. Tempoh masa suatu waktu adalah empat puluh (40) minit. Senarai Mata Pelajaran Dini adalah seperti berikut (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015).

1. Usul al-Din: Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Tauhid, al-Tafsir, al-Hadis, al-Sirah wa Tarikh al-Islam, dan al-Akhlak wa al-Tasawwuf.
2. Al-Syariah: Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Quran wa al-Hifz, Fiqh al-Ibadat, Fiqh al-Munakahat, Fiqh-al-Muamalat, dan Fiqh-al-Jinayat.
3. Al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah: Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Istima' wa al-Kalam, al-Qiraah, al-Kitabah, al-Mutalaah wa al-Ta'bir, dan al-Nahu wa al-Sarf.
4. Manahij al-Ulum al-Islamiyah: Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Mantiq dan Usul al-Fiqh.
5. Al-Adab wa al-Balaghah: Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Adab wa al-Nusus dan al-Balaghah.

Walaupun pelaksanaan KBD dilihat sebagai satu langkah progresif dalam memperkukuh pendidikan agama, namun keperluan melihat isu tahap penguasaan guru terhadap ilmu turath sebagai asas kepada mata pelajaran *dini* di sekolah. Penguasaan dalam membaca, memahami atau mensyarahkan teks turath memberikan kesan terhadap pembelajaran murid. Tambahan pula, peralihan sistem pendidikan daripada tradisi pondok ke sistem formal menyebabkan sebahagian guru lebih berorientasikan peperiksaan dan kurang menekankan roh keilmuan turath yang menuntut kefahaman, penghayatan serta penerapan nilai adab dan akhlak. Kekangan masa, beban tugas serta latar belakang akademik yang berbeza turut menjejaskan peluang guru untuk meningkatkan kompetensi penguasaan ilmu turath secara sistematik. Kajian ini penting untuk mengenal pasti keperluan sebenar, cabaran dan kesannya terhadap keberkesanan guru KBD dalam menyampaikan ilmu agama secara bersepadu, holistik dan berteraskan warisan turath Islam.

Pernyataan Masalah

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2015 merupakan salah satu inisiatif memperkukuh pendidikan Islam berteraskan warisan ilmu klasik (turath). Kurikulum ini menekankan lima bidang utama iaitu *Lughatul Arabiyyah al-Mu'asirah*, *Usuluddin*, *Syari'ah*, *al-Manahij al-'Ulum al-Islamiyyah* dan *al-Adab wa al-Balaghah* yang kesemuanya berasaskan kitab-kitab muktabar serta menggunakan bahasa Arab sebagai medium pengajaran. Oleh itu, pelaksanaan KBD menuntut guru agama yang bukan sahaja menguasai ilmu kandungan tetapi juga memiliki kefahaman mendalam terhadap teks turath dan kompetensi bahasa Arab yang tinggi.

Namun, beberapa isu timbul berkaitan pelaksanaan kurikulum ini. Pertama, laporan Nursafra Mohd Zhaffar (2021) menunjukkan bahawa bilangan guru agama yang berkecukupan masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan pengajaran setiap mata pelajaran KBD. Kekurangan ini membuka ruang kepada pengambilan guru baharu, namun dalam masa yang sama menimbulkan isu kelemahan penguasaan kandungan turath dalam kalangan guru. Kajian Mansor Daud dan Kamarudin Kamel (2003) mendapati lebih separuh daripada guru Yayasan

Islam Kelantan (YIK) mengalami kesukaran memahami isi kandungan sukatan dan buku teks yang digunakan di sekolah.

Kedua, isu ini turut berkait rapat dengan kualiti guru. Hasbullah (2016) menjelaskan bahawa antara faktor utama yang menjejaskan mutu pendidikan ialah tahap standard guru yang rendah, khususnya dalam penguasaan bahan pengajaran. Prosmala Hadisaputra et al. (2020) pula menegaskan bahawa kecekapan guru dalam menguasai kandungan pengajaran merupakan faktor penentu terhadap keberhasilan murid. Maka, penguasaan ilmu turath menjadi prasyarat penting bagi melahirkan guru agama KBD yang berkualiti dan berkompeten.

Selain itu, terdapat juga cabaran persepsi dan pendekatan dalam kalangan pelajar serta guru terhadap pembelajaran turath. Menurut Mulky Solahuddin (2013), sebahagian pelajar menganggap pengajian kitab turath sebagai bebanan, manakala Syed Salim Syed Shamsuddin (2018) menegaskan wujud jurang dalam sistem pendidikan moden yang kurang menekankan teks turath sebagai bahan utama pengajaran. Kajian Rorsuedee Salaeh (2007) turut menunjukkan ramai guru tidak menggunakan kitab turath sebagai panduan utama PdP, bahkan 75% daripada mereka menganggap buku teks moden sudah mencukupi. Kebergantungan terhadap buku teks tanpa penguasaan turath boleh menjejaskan kefahaman mendalam terhadap disiplin ilmu Islam yang menjadi tunjang KBD.

Oleh yang demikian, kajian ini perlu dijalankan bagi meneliti pengaruh pembelajaran ilmu turath terhadap guru agama KBD, khususnya dari segi penguasaan isi kandungan, kemahiran pedagogi, dan pembentukan sahsiah guru. Kajian ini penting untuk memahami sejauh mana pendedahan terhadap ilmu turath mampu memperkukuh profesionalisme, kualiti pengajaran serta kesinambungan warisan keilmuan Islam dalam konteks pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan dengan kaedah kualitatif. Data telah diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Seramai enam orang guru agama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dari tiga buah sekolah agama di daerah Kinta Utara, Perak telah dipilih secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan pengalaman mereka dalam mengajar mata pelajaran KBD serta keterlibatan langsung dengan penggunaan kitab turath, seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Informan Kajian

Bil.	Informan	Kod
1	Guru KBD 1 - Sekolah Izzudin Shah	R01SIS
2	Guru KBD 2 - Sekolah Izzudin Shah	R02SIS
3	Guru KBD 3 - Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah	R03RPT
4	Guru KBD 4 - Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah	R04RPT
5	Guru KBD 5 - SABK Maahad al-Ummah	R05MUM
6	Guru KBD 6 - SABK Maahad al-Ummah	R06MUM

Temu bual dijalankan secara bersemuka dengan menggunakan panduan soalan berasaskan objektif kajian, meliputi aspek penguasaan ilmu turath, pengalaman mengajar dan cabaran pelaksanaan dalam kurikulum KBD. Semua temu bual telah dirakam dengan kebenaran informan, ditranskripikan sepenuhnya dan dianalisis secara tematik bagi mengenal

pasti pola, tema serta isu utama berkaitan pengaruh pembelajaran ilmu turath terhadap guru agama dalam kurikulum KBD.

Dapatan dan Perbincangan

(a) Keperluan Guru Agama Mempelajari Ilmu Turath

Beberapa informan menekankan bahawa penguasaan ilmu turath merupakan asas utama dalam bidang pengajian Islam, khususnya dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Informan R01SIS menyatakan bahawa ilmu turath merupakan satu keperluan utama bagi guru agama KBD. Hal ini kerana guru yang menguasai ilmu turath mampu mengaplikasikan asas pengetahuan Islam secara lebih menyeluruh dalam proses PdP.

R01SIS: "... Kalau dalam bidang pengajian Islam, memang sangat-sangat diperlukan lah macam KBD Usuluddin, KBD Syariah haa itu memang sangat-sangat diperlukan... Jadi kita boleh apply, boleh kita sampaikan pada anak-anak murid kita tentang pengajian yang kita dapat daripada pengajian ilmu turath tu."

Pandangan tersebut turut disokong oleh seorang lagi guru (R05MUM) yang menegaskan guru agama perlu mempelajari ilmu turath kerana ia merupakan asas kepada pembelajaran guru agama untuk mengaplikasikannya ke dalam masalah kontemporari.

R05MUM: "Kalau kita sebut perlu, mestilah perlu tu sebab itu lah errr asas kepada pembelajaran kita dahulu. Dari sudut aplikasi, kita perlu lah belajar turathnya dulu. Barulah kita boleh faham susur jalur tu kemudian apply dalam pengajaran kita..."

Pandangan ini selari dengan informan R03RPT bahawa pendekatan melalui pelaksanaan KBD merupakan pengenalan bagi ilmu turath kepada murid. Namun, menurut Nursafra Mohd Zhaffar (2021) kuantiti guru agama tidak mencukupi bagi mengajar mata pelajaran KBD. Informan R05MUM menyatakan bahawa permasalahan yang timbul adalah apabila kekurangan guru agama KBD dan ramai guru agama KBD yang tidak mampu mengajar KBD kerana tidak menguasai kitab turath. Informan R02SIS dan R03RPT menyatakan bahawa pembelajaran kitab turath menjadi satu keperluan agar setiap sekolah mempunyai guru yang mampu mengajar dan menerapkan ilmu tersebut di luar bilik darjah seperti kelas tambahan atau kuliah pada hari cuti.

R03RPT: "... Aaa saya rasa ia perlu lah. Sebab setiap semua sekolah tu boleh menerapkan ilmu pengajian ni contohnya di hujung-hujung minggu kuliah untuk pelajar-pelajar, untuk memantapkan pelajar dari sudut penguasaan ilmu lah..."

Hasil dapatan kajian menunjukkan ilmu turath dilihat sebagai satu keperluan bagi guru agama KBD kerana ia merupakan salah satu sumber rujukan utama dalam ilmu agama. Penguasaan ilmu turath dapat membantu guru lebih memahami dan mendalami prinsip-prinsip asas fardhu Ain (Nur Farhanis Faisal, 2024) untuk menampung kekurangan guru yang mahir mengajar silibus KBD (Nursafra Mohd Zhaffar, 2021). Penyampaian ilmu guru agama KBD yang mempelajari ilmu turath dapat dihubungkan dengan pengalaman dan konteks seharian murid bagi menjadikan ilmu tersebut mudah difahami seperti dalam kajian Irwayani (2019) yang menunjukkan tahap kemampuan guru mengajar dan menyediakan bahan pengajaran dapat beri pengaruh positif terhadap kemenjadian murid.

(b) Pengaruh Ilmu Turath Terhadap Ilmu Pengetahuan

Majoriti informan bersetuju bahawa pembelajaran ilmu turath memberi kesan terhadap ilmu pengetahuan guru agama KBD. Menurut informan R01SIS, R03RPT, R04RPT, R05MUM dan R06MUM berpendapat bahawa guru yang mempelajari ilmu turath akan dapat menguasai konten ilmu agama dengan lebih mendalam dan lebih meluas. Manakala menurut informan R01SIS menyatakan bahawa guru yang mempelajari ilmu turath akan meningkatkan mutu PdP guru di dalam bilik darjah sehingga murid menjadi yakin dengan ilmu yang disampaikan oleh guru tersebut. Informan R03RPT juga menyatakan bahawa guru yang menguasai ilmu turath akan menjadi lebih dan berani menyampaikan ilmu kerana telah menguasai asas ilmu agama dengan baik. Dalam petikan temu bual, R04RPT menyatakan:

R04RPT: “Betapa pentingnya ilmu turath tu untuk menjadi guru. Ilmu turath tu merupakan asas yang sangat penting... Ramai dikalangan guru-guru yang tenaga pengajar ataupun pensyarah, mereka akan mensyukuri nikmat masuk ke pondok. Haa nasib baik lah saya masuk ke pondok. Barulah saya boleh baca kitab-kitab ni... Walaupun mereka jadi pensyarah, mereka jadi aaa tenaga pengajar peringkat tertinggi macam mana pun disebabkan kesan daripada ilmu turath tu lebih daripada ilmu yang didapati di universiti-universiti, melalui kajian-kajian. Daripada ilmu turath yang diambil daripada tok-tok guru tu lebih berkesan.”

Namun sebaliknya, informan R02SIS tidak bersetuju terhadap kesan pembelajaran ilmu turath kepada semua individu kerana semua manusia tidak mempunyai minat dan gaya pembelajaran yang sama. Meskipun begitu, informan R02SIS tidak menolak kesan pembelajaran ilmu turath pada mereka yang mempunyai minat kerana ia merupakan nilai tambah kepada guru tersebut dapat menambahkan ilmu.

Semua informan turut bersetuju terhadap pernyataan bahawa ‘pelajar pondok dilihat lebih menguasai asas ilmu agama berbanding pelajar IPT’ kerana pelajar pondok telah mengikuti disiplin ilmu yang betul dan mendalami hakikat ilmu dengan mempelajari dari mula hingga khatam sesebuah kitab dalam tempoh masa yang panjang. Namun, responden R03RPT dan R04RPT berpendapat bahawa kesan pembelajaran ilmu turath bergantung pada individu itu sendiri kerana jika seseorang itu tidak mempunyai sifat yang rajin, maka pengajian turath tidak akan memberi kesan terhadap dirinya.

R03RPT: “... aaaa dia lihat kepada individu seseorang. Kalau seseorang tu sifat dia macam tak mau berusaha. Sifat apa aaa emm macam sifat yang tak baik macam kemalasan apa semua tu walaupun kalau dia duduk kat pondok moden ke pondok tradisional ke tak memberi impak lah...”

R04RPT: “... Ustazah tidak menolak pandangan mengatakan aa pelajar lepasan pondok lebih mendalami, lebih memahami hakikat ilmu... Kita tak menolak ye yang dikatakan pelajar IPT belajar sikit tapi kalau sekiranya amalan yang dibuat oleh IPT tu lebih baik dari sudut kefahaman... kita tidak menolak kemampuan tersebut...”

Hasil dapatan kajian menunjukkan pembelajaran ilmu turath memiliki kesan yang positif terhadap ilmu pengetahuan guru agama KBD. Hal ini kerana ilmu turath dapat membantu guru untuk memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam dan mengukuhkan kefahaman guru tersebut terhadap konsep-konsep serta hukum hakam dalam Islam. Dapatan ini selari dengan kajian Zahdi Taher (2020), Syed Salim (2018), Mujizatullah (2018) dan Irwayani (2019) bahawa melalui pemahaman yang diperoleh melalui pembelajaran ilmu turath dapat membantu guru menjelaskan ilmu kepada murid secara lebih mendalam dan kaya dengan pengisian ilmu.

(c) Pengaruh Ilmu Turath Terhadap Akhlak

Beberapa informan berpandangan bahawa penguasaan ilmu turath memberi kesan positif terhadap pembentukan akhlak dan amalan seharian guru. Informan R01SIS dan R02SIS menyatakan bahawa pembelajaran ilmu turath memberi kesan kerana melalui ilmu tersebut mereka akan dapat mengetahui cara beramal yang betul. Amalan yang dilakukan dengan betul akan melahirkan akhlak yang baik kerana pengaruh daripada ilmu yang dimiliki. Menurut salah seorang informan:

R02SIS: “Akhlak mungkin akan berubah. Sebab bila belajar ilmu ni dengan cara pondok, lebih khusyuk dan kita sambil mempraktikkan ilmu tersebut...”

Namun, menurut R04RPT, terdapat perbezaan yang jelas antara adab dan akhlak. Beliau menjelaskan bahawa adab merupakan hasil daripada proses pendidikan dan tarbiah yang berterusan, manakala akhlak pula berakar daripada kekuatan ibadah seseorang.

R04RPT: “...Adab adalah manifestasi daripada pendidikan atau tarbiah yang berterusan. Kita mengajar adab kepada murid melalui pendidikan formal dalam kelas dan juga di luar kelas. Tetapi akhlak pula berasal daripada perkataan makhluk dimana Allah jadikan manusia untuk beribadah. Jadi akhlak ini sebenarnya manifestasi sejauh mana seseorang itu menyempurnakan ibadahnya. Kalau ibadahnya sempurna, maka akhlaknya juga baik...”

Informan R04RPT menyatakan bahawa ilmu turath dengan akhlak itu tiada sebarang kaitan, namun untuk melaksanakan ibadah memerlukan kepada adanya ilmu. Begitu juga informan R06MUM yang tidak bersetuju ilmu turath mampu mempengaruhi akhlak seseorang. Hal ini kerana informan pernah mengalami situasi di mana golongan yang mempelajari ilmu turath memandang rendah kepada kemampuan orang lain khususnya individu yang tidak pernah mempelajari ilmu turath. Justeru, informan R06MUM berpendapat bahawa seseorang itu perlu mempelajari tiga jenis ilmu utama, iaitu hakikat, syari’at dan tasawwuf agar dapat mencorakkan akhlak yang baik.

Informan R03RPT dan R05MUM menyatakan bahawa pembelajaran ilmu turath dapat memberi kesan positif jika individu tersebut mempunyai kesedaran sepenuhnya untuk mengubah dirinya ke arah yang lebih baik. Contohnya, mereka yang mempunyai ilmu penuh di dada juga tidak akan terlepas dari masalah sosial. Walaupun demikian, informan R05MUM menyatakan bahawa segala jenis ilmu akan memberikan kesan yang baik apabila individu itu sendiri yang mempunyai azam untuk menjadi baik.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti informan bersetuju bahawa pembelajaran ilmu turath memberi kesan positif terhadap akhlak guru agama KBD. Selaras dengan kajian Nazneen Ismail (2021) bahawa pengajian turath memainkan peranan serius dalam membentuk adab dan sahsiah murid. Pembentukan akhlak seseorang bergantung kepada pengamalan dan pelaksanaan ibadah secara istiqamah. Manakala ilmu yang dipelajari itu kemudiannya diaplikasikan bagi meningkatkan pemahaman agama sehingga membentuk karakter dan akhlak guru agama.

Begitu juga dalam kajian Harapandi Dahri (2020) bahawa ilmu-ilmu yang dihasilkan dalam ilmu turath mempunyai keberkatan dan terbukti menghasilkan ramai para ulama. Kajian Bahrudin (2021) juga menunjukkan kesan pembelajaran ilmu turath terhadap akhlak murid berada di tahap yang baik, boleh dikawal dan patuh pada peraturan meskipun setiap murid

mempunyai sikap yang berbeza sama ada baik atau kurang baik kerana latar belakang keluarga yang berbeza.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa pembelajaran ilmu turath memainkan peranan penting dalam membentuk keilmuan dan keperibadian guru agama KBD. Penguasaan kitab-kitab turath bukan sahaja membantu guru memahami kandungan silibus dengan lebih mendalam, malahan ia turut meningkatkan keyakinan guru agama KBD dalam menyampaikan ilmu serta menghubungkannya dengan isu-isu kontemporari. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa turath berupaya menjadi asas dalam pembentukan akhlak seseorang individu khususnya guru, sekali gus memberi kesan positif terhadap proses pendidikan.

Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dikenal pasti ialah kekurangan guru yang benar-benar menguasai teks turath, di samping persepsi bahawa pengajian turath adalah bebanan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk memperkukuh penguasaan turath dalam kalangan bakal guru agama melalui latihan, kursus dan kurikulum yang lebih sistematik. Oleh itu, kajian ini menyarankan agar institusi pendidikan terutama sekolah agama dan institusi katihan perguruan memberi perhatian yang lebih serius bagi melahirkan guru agama KBD yang bukan sahaja mahir dari segi ilmu pengetahuan tetapi juga berakhlak mulia.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan pihak Sekolah Izzudin Shah, Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah dan SABK Maahad al-Ummah, yang memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Rujukan

- Aisyah Ab Rahim & Mohd Roslan. (2020). Institusi Pengajian Pondok di Selangor: Kajian terhadap Sejarah dan Perkembangan. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 7(2), 1-12.
- Alipiah. (2011). Minat Mahasiswa Pendidikan Agama Islam dalam Pembelajaran Kitab Kuning. Tesis, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Bahagian pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Islam. (2015). Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini. Tarikh diakses 26 Nov 2023 dari <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/surat-pemakluman-pelaksanaan-dan-maklumat-asas-bagi-kurikulum-bersepadu-dini-kbd-dan-kurikulum-bersepadu-tahfiz-kbt>.
- Harapandi Dahri. (2016). Pengajaran Kitab Turats Melayu di Brunei Darussalam. *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 15(1), 151-176.
- Harapandi Dahri. (2020). Kitab Turath as Local Genuine to Humanizing Changes. *Borneo International Journal of Islamic Studies*, 2(2), 177-199.
- Irwayani. (2019). Hubungan Persepsi Siswa Tentang Kemampuan Guru Mengajar dan Mengorganisasikan Materi Pembelajaran dengan Hasil Belajar Kitab Kuning di Pesantren Darussa'Adah Kecamatan Pangkalan Susu Kabupaten Langkat. Tesis, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, UIN Sumatera Utara Medan.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Statistik Bilangan SMKA dan SABK di Kementerian Pendidikan Malaysia. Tarikh diakses 26 Nov 2023 dari <https://www.moe.gov.my/statistik-menu/statistik-bilangan-smka-dan-sabk-di-kementerian-pendidikan-malaysia>.
- Mohammad Muchlis Solichin. (2018). Teori Belajar Humanistik dan Aplikasinya dalam Pendidikan Agama Islam: Telaah Materi dan Metode Pembelajaran. *Jurnal Studi Islam*, 5(1), 1-12.
- Muhammad Umudee. (2011). Keberkesanan Strategi Pengajaran al-Amin Terhadap Kefahaman Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Agama Selatan Thailand, Tesis, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI.
- Mujizatullah. (2018). Sistem Pengajian Kitab Kuning pada Mahasiswa di Perguruan Tinggi. *Jurnal al-Ulum*, 18(2), 301-316.
- Mukti Baharudin & Makiah Tussaripah. (2012). Peranan Kitab Ta'alim al-Muta'alim Tariq al-Ta'alum dalam Memperkasa Sistem Pendidikan Kontemporari di Malaysia. Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-5. Brunei. 6-7 September.
- Mulky Solahuddin. (2013). Pembelajaran Metode Tamyiz Terhadap Kemampuan Menterjemahkan al-Quran dan Membaca Kitab Kuning di SMP Negeri 2 Kedondong Indramayu. Tesis, Akademi Pendidikan Islam, IAIN Syekh Nurjati.
- Murshidi Mustapha, Miqdad Aswad, Nazri Mat Zin & Zainuddin Che Seman. (2022). Sumbangan Madrasah Muhammadiyah dan Madrasah Rahmaniah dalam Kelestarian Pengajian Turath di Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50). 65-81.
- Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin. (2021). Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar Pondok. *Jurnal al-Hikmah*, 13(1), 43-71.
- Nursafra Mohd Zhaffar. (2021). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Selangor: Bahagian Pendidikan Islam KPM.
- Puaad Abdul Malik, Rahimin Affandi Abd Rahim, Ahmad Farid Abd Jalal & Huzaimah Ismail. (2018). Kitab Jawi dan Pengilmuan Masyarakat Melayu. *Jurnal 'Ulwan*, 1(2). 34-57.
- Prosmala Hadisaputra, Ahmad Yussuf & Sarina Aini Kasim. (2020). Karakteristik Guru dalam Tradisi Pendidikan Nahdlatul Wathan, Lombok. *Jurnal at-Tafkir*, 13(1). 1-17.
- Rorsuedee Salaeh. (2007). Pengajian Hadith: Satu Kajian di Sekolah Menengah Islam al-Amin Gomak, Selangor. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Solahudin Ismail. (2014). Sistem Pengajian Turasi Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal Berdasarkan Sejarah Perkembangannya. 23rd Conference of the International Association of Historians of Asia 2014. Kepala Batas, 23-27 Ogos.
- Supyan Inayatulloh, Ahmad Sukandar & Marwan Setiawan. (2022). Pembelajaran Kitab Kuning di SMP Fauzaniyyah Sukaresmi Garut untuk Mencetak Siswa Unggul. *The Journal of Educational Research*, 2(1), 1-13.
- Syaifullah. (2017). Pendidikan Karakter Melalui Pembelajaran Kitab Kuning (Risalatul Muawwanah) di SMA Ma'Arif Sukorejo. *Jurnal Ilmu al-Quran dan Tafsir*, 2(2), 321-340.
- Syed Salim Syed Shamsuddin. (2018). Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Perlaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Sains Insani*, 3(1). 27-37.
- Syed Salim Syed Shamsuddin, Muhammad Farid Wajdi, Abdul Karim Pardon & Mohd Faisal Mohamed. (2020). Kitab Turath Fiqh Syafie Jawi Sebagai Medium Penyampaian Ilmu Fardu Ain di Malaysia: Analisis Metodologi Penulisan Kitab Hidayat al-Sibyan fi

- Ma'rifat al-Islam wa al-Iman. Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020). Universiti Sains Islam Malaysia, 15 Oktober.
- Tohirin. (2005). *Psikologi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persana.
- Zahdi Taher. (2020). Pembelajaran Kitab Kuning dalam Menangkal Radikalisme. *Jurnal al-Ri'ayah*, 5(1). 103-112.
- Zulkarnin Zakaria, Maisarah Amirah, Wan Ahmad, Ainul Farha, Liyana Amalina & Nurdalila A'wani. (2022). Turath Unpacked: Synthesizing the Knowledge of the Traditional Islamic Reference Books from the Gifted Muslim Students' Perspective. Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami. Atas Talian. 19 Oktober.